

18/10/2000

Majukan niaga dengan usahawan web

KEJAYAAN dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) memerlukan peserta industri sekarang bekerjasama dengan usahawan web bagi membangunkan model perniagaan baru berasaskan dua fungsi utama iaitu fizikal dan siber.

Presiden/Ketua Eksekutif Mimos Bhd, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata syarikat perlu berpindah daripada ekonomi berasaskan pengeluaran (p-ekonomi) kepada k-ekonomi memanfaatkan operasi dan alat perniagaan lama.

Katanya, perniagaan baru perlu dibangunkan dengan menggunakan kekuatan sendiri tetapi menambah nilai baru menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D). Jika tidak dapat lakukan semuanya sendiri, beli sebahagian lagi.

"Syarikat tempatan juga perlu menyertai pusat perkongsian maklumat sejagat untuk mencapai pasaran lebih luas tetapi mestilah memasukkan peraturan, amalan dan budaya tempatan," katanya membentangkan kertas kerja Merubah Malaysia ke arah k-ekonomi dalam seminar k-ekonomi pada Abad ke-21 di Petaling Jaya, semalam.

Seminar anjuran Biro Ahli MCA Berbahasa Inggeris itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, peralihan k-ekonomi tidak dapat dielakkan kerana daya saing Malaysia semakin menurun berbanding Singapura dan Hong Kong, sejak beberapa tahun lalu kerana tidak menggunakan inisiatif k-ekonomi.

Tengku Azzman berkata, k-ekonomi mewujudkan industri baru berasaskan industri lama yang dijana oleh pengeluaran, pengedaran dan penggunaan pengetahuan dan maklumat.

Pada 1995, nilai tambah bagi setiap pekerja dalam industri elektronik tempatan tiga kali lebih rendah daripada Singapura dan Hong Kong tetapi pada 1998, produktiviti keseluruhan adalah empat kali lebih rendah.

Sebaliknya, kedudukan Finland dan Ireland meningkat dengan ketara pada 2000 dengan masing-masing berada di tangga ketiga dan ketujuh kerana inisiatif k-ekonomi, sebaliknya Malaysia jatuh ke tempat 25 berbanding 23 pada 1996.

"Daya saing negara bergantung kepada syarikat swasta yang berupaya berubah mengikut rentak ekonomi baru," katanya.

Memberikan contoh Nokia sebagai syarikat yang meningkatkan daya saing Finland, Tengku Azzman berkata, syarikat itu yang sebelumnya terbabit dalam industri palpa dan kertas merubah bentuk perniagaannya kepada teknologi maklumat dan komunikasi sekitar 80-an.

Katanya, kewujudan lebih 600 pangkalan data perkongsian maklumat di seluruh dunia seperti Automotive Network Exchange (ANX), sudah pasti menelan pembekal tempatan yang masih menggunakan kaedah lama.

Tengku Azzman yang juga Setiausaha Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) berkata, kejayaan pelaksanaan k-ekonomi bergantung kepada keupayaan memenuhi cabaran untuk terus belajar, menukar cara pemikiran dengan menghapuskan teori lama dan pembelajaran semula.

(END)